

Kajian terperinci tekstur batuan granit di kawasan Damansara-Sri Hartamas, Kuala Lumpur

MURSYIDAH A. HAMID AND AZMAN A. GHANI

Department of Geology
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur

Kajian terperinci tekstur batuan granit di kawasan Damansara-Sri-Hartamas telah dilakukan terhadap dua jenis batuan iaitu batuan granit tak porfiritik dan batuan granit porfiritik. Hasil kajian lapangan, petrografi dan analisa geokimia mencadangkan kedua-dua batuan ini berasal daripada magma yang sama. Tujuan kajian ini ialah menggunakan petrografi batuan porfiritik untuk mengetahui (1) turutan penghabluran magma batuan granit di kawasan kajian dan (2) untuk mengkaji secara terperinci evolusi tekstur batuan di kawasan kajian. Hasil kajian menunjukkan magma batuan granit di kawasan ini menghablur dalam tiga fasa iaitu (1) Fasa penghabluran mineral awal seperti mineral apatit, biotit awal, plagioklas awal dan fenokris K-feldspar, (2) Fasa pembentukan kerangka kerja (framework) hablur yang terdiri daripada feldspar alkali, kuarza, plagioklas dan biotit dan (3) Fasa penghabluran mineral pada liang-liang terhad seperti kuarza lewat.
